

**BAB I:**  
**Usul Fiqh sebagai Metode**  
**Pentafsiran Naş**

# BAB I: Usul Fiqh sebagai Metode Pentafsiran Naş

## Pendahuluan

Naş al-Qur'ān dan al-Ḥadīth kebanyakannya bersifat umum yang memerlukan pentafsiran untuk menjadi hukum-hakam praktikal yang amat diperlukan oleh *mukallaf*. Dalam kaitan ini, peranan mujtahid amat besar untuk menggali dan mentafsirkan hukum-hakam yang terkandung dalam naş al-Qur'ān dan al-Ḥadīth tersebut.

Walau demikian, aktifitas pentafsiran naş dan penggalian hukum-hakam tidak dapat dilakukan begitu sahaja tanpa mengambil kira syarat dan kriteria tertentu. Dalam kaitan ini, metode pentafsiran tertentu mesti digunakan dalam penggalian hukum-hakam daripada naş-naş yang memerlukan pentafsiran seorang Mujtahid. Dengan demikian, aktifitas pentafsiran naş dapat dipertanggung jawabkan secara 'aqlī ataupun syar'ī.

Ilmu usul Fiqh yang mengandungi rumusan-rumusan ataupun kaedah-kaedah rasional yang standard dapat dijadikan metode pentafsiran naş untuk pengambilan kesimpulan hukum-hakam operasional. Ilmu usul fiqh tidak lain merupakan pendekatan ilmiah dalam usaha mentafsirkan naş yang masih mujmal dan bersifat umum.

Memandangkan pentingnya posisi-ilmu usul fiqh dalam pentafsiran naş tersebut maka dalam Bab I ini akan dihuraikan pembahasan tentang usul fiqh yang meliputi pengertian usul fiqh, huraian perkataan usul fiqh, sejarah pembukuan usul fiqh, serta klasifikasi mazhab usul fiqh. Pembahasan ini akan sangat bermakna kerana dapat memberikan laluan berfikir dalam pembahasan bab-bab

berikutnya yang akan membentangkan aspek perbezaan metode pentafsiran naş antara dua mazhab besar dalam ilmu usul fiqh, iaitu mazhab Mutakallimīn dan Aḥnāf.

### 1.1. Definisi Usul<sup>1</sup>Fiqh

Perkataan ‘Usul fiqh’ berasal daripada bahasa arab أصول الفقه yang terdiri dari dua suku kata: “*uṣūl*” (أصول) dan “*al-fiqh*” (الفقه).

Kata أصول yang merupakan bentuk jamak daripada kata الأصل, secara etimologi memberi erti: sesuatu yang diperlukan<sup>1</sup> atau sesuatu yang mana benda-benda lain berdasarkan kepadanya.<sup>2</sup>

Sementara secara terminologi, kata الأصل memberi banyak erti, antaranya :

- a. Norma atau Kaedah (القاعدة), seperti dalam perkataan: ليأحة الميتة (keharusan memakan bangkai bagi orang yang dalam keadaan darurat adalah menyalahi hukum asal). Maksudnya, hal tersebut menyalahi ‘norma-norma’ atau ‘kaedah-kaedah’ yang sudah biasa digunakan.
- b. Argumentasi (الدليل), seperti dalam perkataan: أصل هذه المسألة الاجماع (asal persoalan ini adalah *ijmā’* [konsensus]). Ini memberi makna bahawa ‘argumentasi’ yang dipergunakan dalam persoalan tersebut adalah *ijmā’*.

<sup>1</sup> Fakhr al-Dīn Muḥammad bin ‘Umar bin al-Ḥusayn al-Rāzī (1992 M), *al-Maḥṣūl fī ‘Ilm Uṣūl al-Fiqh (Dirāsah wa Taḥqīq al-Duktūr Tāhā Jābir Fayyād al-‘Alwānī)*. C. 2. Beirut: Mu’assasah al-Risālah. Juz I, h. 78.

<sup>2</sup> Ḥāfiẓ Thanā’ Allāh al-Zāhidī (1410 H), *Taysīr al-Uṣūl*. C. 1. Jehlem, Pakistan: Majlis al-Taḥqīq al-Atharī Jāmi‘ah al-‘Ulūm al-Athariyyah. h. 17.

- c. Yang kuat (الراجح), seperti dalam perkataan: الكتاب أصل بالنسبة إلى القياس (al-Qur'an itu asal apabila dibandingkan dengan *qiyās* [analogi]). Maksudnya, kesahan dalil *al-Qur'an* lebih 'kuat' berbanding dalil *al-qiyās*.<sup>1</sup>

Manakala kata **الفقه** secara etimologi bererti mengetahui sesuatu atau memahami sesuatu dan secara terminologi bererti pengetahuan tentang hukum-hukum *syar'ī* yang bersifat praktikal (عملي) yang diperoleh melalui proses *istinbāf* hukum berdasarkan dalil-dalil terperinci (تفصيلي).<sup>2</sup>

Daripada huraian dua suku kata di atas, rangkaian kedua suku kata tersebut dapat memberikan definisi secara terminologi bahawa usul fiqh (أصول الفقه) ialah: serangkaian kaedah-kaedah yang dapat digunakan sebagai sarana untuk menggali hukum-hukum operasional (استنباط الأحكام).<sup>3</sup> Dengan demikian, usul fiqh merupakan kaedah-kaedah *aqliyyah* standard yang dapat membantu para Muftahid untuk melakukan aktiviti menggali hukum-hukum operasional daripada sumber-sumber aslinya.

## 1.2. Perbezaan Usul Fiqh dengan Istilah yang Berkaitan

### 1.2.1. Perbezaan Usul Fiqh dengan Fiqh

Sepertimana dalam pembahasan tentang definisi usul fiqh di atas, terdapat perbezaan makna etimologi antara suku kata 'usul' dan suku kata

<sup>1</sup> Dr. 'Abd al-Karīm Zaydān (1987 M), *al-Wajīz fi Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 8 ; Imran Ahsan Khan Nyazee (t.t.), *Theories of Islamic Law: The Metodology of Ijtihād*. Islamabad, Pakistan: Islamic Research Institute Press, h. 27 – 28.

<sup>2</sup> Sayf al-Dīn Abū al-Ḥasan 'Alī bin Abī 'Alī bin Muḥammad al-Āmidī (1980 M), *al-Ihkām fi Uṣūl al-Ahkām*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. Juz I, h. 7 ; Muḥammad bin 'Alī al-Syawkānī (1992 M), *Irsyād al-Fuḥūl ilā Tahqīq al-Ḥaq min 'Ilm al-Uṣūl (Tahqīq wa Ta'liq al-Duktūr Sya'bān Muḥammad Ismā'il)*. C. I. Mesir: Maṭba'ah al-Madani. Juz I, h. 47.

<sup>3</sup> Al-Syawkānī, *Irsyād al-Fuḥūl ilā Tahqīq al-Ḥaq min 'Ilm al-Uṣūl*, Juz I, h. 48 ; Imran Ahsan Khan Nyazee, *Theories of Islamic Law: The Metodology of Ijtihād*, h. 29.

'fiqh'. Perbezaan lebih konkrit dalam makna terminologinya dapat dipaparkan seperti dalam perkara-perkara berikut :

- Ilmu usul fiqh merupakan dasar-dasar bagi usaha *istinbāt* hukum, iaitu menggali hukum-hakam daripada sumber-sumbernya. Oleh itu, setiap mujtahid wajib mengetahui betul-betul ilmu usul fiqh. Ini kerana matlamat ilmu ini adalah untuk mengimplementasi (menerapkan) kaedah-kaedah usul fiqh kepada dalil-dalil terperinci yang mengandungi hukum-hakam cabang (fiqh) di dalamnya. Dengan demikian, kajian usul fiqh terhad kepada orang-orang tertentu sahaja kerana tidak semua orang dapat mengkaji serta mengimplementasikannya.

Ini berbeza dengan kajian ilmu fiqh. Jika ilmu usul fiqh harus diketahui oleh seseorang mujtahid, maka ilmu fiqh harus diketahui oleh *mukallaf* (orang-orang yang dikenakan beban hukum) secara keseluruhan. Ini kerana ilmu fiqh merupakan kajian tentang ketentuan hukum bagi setiap perbuatan manusia. Dengan ketentuan hukum inilah perdebatan-perdebatan di kalangan masyarakat dapat dielakkan.<sup>1</sup>

- Pembahasan usul fiqh berkenaan dengan dalil-dalil syar'ī yang bersifat global (كلى). Ia bertujuan untuk membuat rumusan kaedah-kaedah yang mempunyai fungsi memudahkan pemahaman terhadap hukum-hakam beserta sumber-sumber dalilnya secara terperinci. Contohnya beberapa kajian seperti berikut :
  - Kajian tentang kedudukan dan tingkatan dalil, sama ada dalil tersebut mempunyai taraf *qat'ī* (hanya mempunyai satu interpretasi) atau *zannī* (multi-interpretasi).

<sup>1</sup> Muḥammad Salām Madkūr (t.t.), *Mabāḥith al-Ḥukm 'Ind al-Uṣūliyyin*. Kaherah: Dār al-Nahḍah al-'Arabiyyah. Juz I, h. 39.

- Kajian tentang indikasi hukum lafaz perintah (الأمر) dan lafaz larangan (النهي) sama ada dalam al-Qur'an ataupun al-Hadith. Dalam kaitan ini kajian usul fiqh menemukan rumusan bahawa lafaz perintah menunjukkan hukum wajib manakala kata larangan menunjukkan hukum haram sejauh tidak ada indikasi (قرينة) yang menyatakan sebaliknya. Oleh itu kajian ini kemudiannya boleh melahirkan kaedah usul fiqh seperti yang berikut :

الأصل في الأمر يدل على الوجوب والأصل في النهي يدل على التحريم

Ertinya: "*Hukum asal daripada perintah adalah wajib manakala hukum asal daripada larangan adalah haram*".

- Kajian tentang lafaz-lafaz am atau lafaz-lafaz khas sama ada dalam al-Qur'an atau dalam al-Hadith. Kajian tentang hal ini kemudiannya melahirkan kaedah usul fiqh:

العام يتناول جميع أفراد ما لم يخص

Ertinya: "*Lafaz am itu meliputi semua unit-unit di bawahnya sejauh tidak dikhususkan [ditakhsis] oleh lafaz lain*".

Sedangkan pembahasan dalam fiqh tidaklah demikian. Pembahasan ilmu fiqh adalah berkenaan dengan perbuatan *mukallaf*. Apakah perbuatan *mukallaf* itu dihukumi halal atau haram ? Apakah perbuatan *mukallaf* itu sah atau batal ? Dalam menentukan aspek hukum perbuatan *mukallaf* tersebut digunakan dalil-dalil terperinci (تفصيلي) berdasarkan pada kaedah-kaedah usul fiqh yang bersifat umum dan global (إجمالي).<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Ibid, h. 38.

## 1.2.2. Perbezaan Usul Fiqh dengan Kaedah Fiqh (*al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*)

Ramai yang mempunyai anggapan bahawa *usul fiqh* dan *kaedah fiqh* merupakan dua perkara yang sama. Ini memandangkan kedua-duanya merupakan kumpulan kaedah-kaedah *kulliyah*, iaitu rumusan-rumusan asas yang mengandungi banyak komponen (*juz' iyyāt*) di dalamnya. Padahal apa yang berlaku sebenar, kedua-duanya merupakan disiplin ilmu tersendiri dan amat berbeza, sama ada dari segi proses pembentukannya ataupun tujuan pembinaannya.

Aspek-aspek perbezaan kedua-dua disiplin ilmu tersebut dapat dipaparkan dalam huraian berikut ini :

- *Usul Fiqh* mengandungi kaedah-kaedah *uṣūliyyah* yang dapat digunakan untuk menggali hukum-hakam (fiqh). Dengan demikian Usul Fiqh merupakan penunjuk bagi seorang mujtahid untuk dapat sampai pada aktiviti menggali hukum-hukum fiqh daripada sumber-sumbernya. Dengan lain perkataan, *usul fiqh* merupakan alat yang dapat dipergunakan seorang mujtahid untuk keperluan *istinbāḥ* hukum.

Manakala *kaedah fiqh* merupakan suatu kumpulan yang mengandungi berbilang cabang fiqh di dalamnya. *Kaedah fiqh* ini dapat dibandingkan dengan teks-teks syarak (*nuṣūṣ*) yang mengandungi beberapa makna dan pengertian amat banyak pula di dalamnya.

Seperti persamaan antara kaedah fiqh: -

الأمر بما صدها

Ertinya: "Sesuatu perkara itu bergantung pada maksud dan tujuannya"

dengan teks syarak yang berikut :

إنما الأعمال بالنيات

Ertinya: “*Sesungguhnya amal perbuatan itu bergantung pada niatnya*”. HR Imam al-Bukhārī dan Muslim.<sup>1</sup>

Kedua-duanya mengandung berbagai unit pengertian hukum yang sememangnya menempatkan niat pada posisi strategis untuk mengukur kualiti dan kesahan perbuatan itu sendiri. Contoh-contoh dalam masalah ini amat banyak, seperti perbuatan sembahyang, zakat, nikah, talak, jual beli, pencurian, perzinaan, pembunuhan dan lain-lain. Penempatan niat dalam perbuatan-perbuatan tersebut amat penting untuk menilai kualiti dan kesahan amal perbuatan itu sendiri.

Contoh perbandingan lain adalah segi persamaan antara kaedah fiqh:

المشقة تجلب التيسير

Ertinya: “*adanya kesukaran itu dapat mendatangkan hukum keringanan*”)

dengan teks syarak :

لا يكلف الله نفسا الا وسعها

Ertinya: “*Allah tidak memaksakan seseorang kecuali sebatas kemampuannya*”. QS al-Baqarah: 286

Kedua-duanya sama-sama mengandungi beberapa contoh pengertian yang tak terkira di dalamnya berupa hukum-hukum fiqh operasional.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Al-Bukhārī (t.t.), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, dicetak bersama al-'Asqalānī, Aḥmad bin 'Alī bin Muḥammad bin Ḥajar, *Fath al-Bārī*. Kaherah. Maktabah al-Kulliyāt al-Azhariyyah, Juz I, h. 32; *Ṣaḥīḥ Muslim*, dicetak bersama al-Nawawī, *Syarḥ al-Nawawī*. C. 3. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabi, Juz XIII, h. 53.

<sup>2</sup> Abdullāh bin Yūsuf al-Juday' (2000 M), *Taysīr 'Ilm Uṣūl al-Fiqh*. C. 2. Beirut: Mu'assasah al-Rayyān. h. 13 - 14 ; bandingkan dengan Dr. 'Āmir 'Abd al-'Aziz (1997 M), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. C. 1. al-Ghawriyyah: Dār al-Salām. h. 34 - 35.



- Memandangkan kaedah-kaedah dalam *usul fiqh* mempunyai fungsi menggali hukum-hakam (*fiqh*) maka hubungan *usul fiqh* dengan *fiqh* amat rapat sehingga dapat diumpamakan dengan hubungan ilmu mantiq (logik) dengan ilmu-ilmu falsafah atau hubungan ilmu nahwu (tata bahasa arab) dengan ilmu orasi dan mengarang. Manakala *kaedah fiqh* tidak dapat diumpamakan demikian kerana ianya diasas dan dibina bukan untuk memproduksi ilmu-ilmu lain, melainkan untuk menghimpun komponen-komponen atau unit-unit (*juz'iyah*) yang dapat dimasukkan di dalamnya.<sup>1</sup>
- Kaedah-kaedah dalam *usul fiqh* dapat diterapkan secara pasti kepada semua *juz'iyāt* (komponen) dan keseluruhan topik-topik yang ada di bawahnya. Manakala *kaedah fiqh* tidak dapat diterapkan kepada semua komponen yang ada di bawahnya. Sebaliknya, ia hanya dapat diterapkan kepada kebanyakan komponen di bawahnya. Ini kerana *kaedah fiqh* diasas untuk tujuan memudahkan klasifikasi hukum-hukum *juz'ī* di peringkat cabang. Hukum-hakam *juz'ī* yang mempunyai aspek persamaan satu dengan yang lain ditarik menjadi suatu *kaedah fiqh* tertentu. Kondisi seperti ini tidak menafikan adanya pengecualian bagi hukum *juz'ī* tertentu untuk tidak dimasukkan ke dalam *kaedah fiqh* tersebut.<sup>2</sup>
- Kaedah-kaedah dalam *usul fiqh* wujud sebelum wujudnya hukum hakam peringkat cabang, kerana ilmu *usul fiqh* sememangnya dirancang untuk mewujudkan dan menghasilkan hukum-hakam peringkat cabang. Manakala *kaedah fiqh* wujud setelah hukum-hakam peringkat cabang

<sup>1</sup> Prof. Dr. 'Abd al-Karīm bin 'Alī bin Muḥammad Al-Namlah., , *al-Muḥadhdhab fī 'Ilm Uṣūl al-Fiqh al-Muqārīn*. Juz I, h. 36.

<sup>2</sup> Ibid, h. 35 – 36.

undang dan *nasakh* (pergantian teks dengan teks yang lain), walaupun dalam bentuk yang tidak sama.<sup>1</sup>

Persamaan yang lain, kedua-duanya membahaskan kaedah-kaedah umum secara global (*ijmālī*) tanpa memberi tumpuan kepada dalil-dalil terperinci (*tafṣilī*). Sebab itu, ilmu *usul fiqh* tidak membahaskan dalil-dalil *juz'ī* untuk mazhab tertentu, seperti mana *usul kanun* pula tidak membahaskan, misalnya, tentang hak milik serta sistem perpindahannya dalam sebuah negara tertentu.<sup>2</sup>

Sedangkan perbezaan kedua-duanya dapat dipaparkan dalam pokok-pokok huraian berikut ini :

- Kaedah-kaedah *usul fiqh* mempunyai dasar teks-teks syarak (*nuṣūṣ*), sehingga ia dapat diterapkan dan digunakan sepanjang zaman tanpa mengira tempat dan keadaan persekitaran. Sebaliknya, *usul qanun* tidak mempunyai dasar pijakan yang kekal walaupun penggubalannya didasarkan pada semangat perlembagaan dan hasil kajian terhadap berbagai-bagai undang-undang masa lampau. Dengan demikian, *usul kanun* dapat diubah suai mengikut perkembangan zaman dan keadaan persekitaran.<sup>3</sup>
- *Usul qanun* tidak sampai pada pembahasan tentang rahsia-rahsia syari'ah dalam perkara-perkara dasarnya, manakala *usul fiqh* pembahasannya mencakupi perkara-perkara tersebut. Di samping itu pula ulama'-ulama' *usul fiqh* membahaskan secara mendalam masalah *ijtihād*, *qiyās*, *ta'arūḍ* dan *tarjīh*. Manakala pembahasan dalam *usul*

<sup>1</sup> Ibid, h. 40.

<sup>2</sup> Dr.'Abd al-Majīd Maḥmūd Maṭlūb (1992 M), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. Kaherah: Dār al-Nahḍah al-'Arabīyah, h. 36.

<sup>3</sup> Ibid, h. 36 – 37.

*kanun* berkisar tentang masalah analisis, pembahagian undang-undang dan perbandingan antara undang-undang yang satu dengan yang lain.<sup>1</sup>

- Pakar usul fiqh dalam pembahasannya selalu menekankan masalah penjelasan (البيان) berkenaan al-Qur'ān, seperti pembahasan tentang lafaz 'ām, lafaz *khāṣ*, lafaz *muṭlaq*, lafaz *muqayyad* dan lain-lain. Sedangkan pakar undang-undang selalu mengkhususkan pembahasan tentang cara-cara penafsiran terhadap undang-undang serta penjelasan tentang aliran pemikiran (*school of thought*) dalam menafsirkan teks undang-undang.<sup>2</sup>
- *Usul qanun* memaparkan sejarah undang-undang secara komprehensif dari setiap periode ke periode yang lain. Manakala dalam *usul fiqh* aspek sejarah ini tidak mendapat perhatian khusus. Walaupun demikian Ulama' fiqh mengkhususkan pembahasan sejarah ini di luar bidang pembahasan usul fiqh. Kitab yang membahas sejarah fiqh ini kemudiannya dikenali dengan nama *tārīkh al-tasyrī'*.<sup>3</sup>

Dr. Wahbah al-Zuhaylī memberikan komen bahawa apabila diteliti dengan lebih mendalam, pembahasan tentang tabiat, pembahagian dan sejarah undang-undang sesungguhnya belum layak menjadi topik pembahasan *usul qanun*. Ini kerana substansi dan hakikat pengertian usul tidak lain adalah dalil ataupun pokok daripada sesuatu. Dengan demikian pembahasan *usul qanun* di atas lebih layak jika disebut pembahasan tentang dasar-dasar ilmu *qanun* (undang-undang).<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Muḥammad Salām Madkur, *Mabāhith al-Ḥukm 'Ind al-Uṣūliyyīn*, Juz I, h. 40 ; Dr. Wahbah al-Zuhaylī (1996 M), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. C. 1. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'āṣir; Damsyik: Dār al-Fikr. Juz I, h. 7.

<sup>2</sup> Dr. Wahbah al-Zuhaylī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Juz I, h. 7.

<sup>3</sup> Muḥammad Salām Madkūr, *Mabāhith al-Ḥukm 'Ind al-Uṣūliyyīn*, Juz I, h. 40 – 41.

<sup>4</sup> Dr. Wahbah al-Zuhaylī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Juz I, h. 7 - 8.

Dalam kaitan tersebut, para pakar *usul fiqh* perlu diberi penghargaan khusus kerana mereka berjaya menghimpun sumber-sumber hukum dalam satu disiplin ilmu yang khas, iaitu ilmu *usul fiqh*. Manakala para pakar undang-undang sebelumnya cuba membuat kriteria yang jelas untuk memisahkan *usul qanun* dari sejarah *qanun* (undang-undang). Kejayaan para ulama' di atas dapat disaksikan sendiri oleh para pakar undang-undang sampai masa ini.<sup>1</sup>

### 1.3. Sejarah Pembukuan Usul Fiqh

Pada masa Rasulullah SAW masih hidup, beliau mempunyai *multi-function* sebagai seorang pemimpin. Di samping memegang kedudukan *tasyrī'i* (تشريعي) untuk membuat undang-undang syari'ah, beliau juga mempunyai kedudukan *tanfīdhī* (تنفيذي) untuk melaksanakan syari'ah itu sendiri.

Rasulullah SAW sebagai penyampai risalah (*muballigh*), pada masa yang sama juga berkedudukan sebagai seorang Imam besar, seorang Kadi yang bijaksana serta seorang Mufti yang mendapatkan limpahan ilmu daripada Allah SWT. Dengan demikian, Rasulullah SAW adalah seorang *imām al-a'immah, qāḍī al-quḍāt* dan *'ālim al-'ulamā'*.<sup>2</sup> Oleh itu pada masa Rasulullah SAW masih hidup, pembahagian ilmu ke dalam beberapa bahagian belum diperlukan, termasuk bahagian ilmu *usul fiqh*. Semua persoalan agama yang muncul pada masa itu akan mendapatkan tanggapan dan penyelesaian daripada Rasulullah SAW secara langsung dengan bimbingan wahyu.

<sup>1</sup> Muḥammad Salām Madkūr, *Mabāhith al-Ḥukm 'Ind al-Uṣūliyyīn*, Juz I, h. 40 – 41.

<sup>2</sup> Syihāb al-Dīn Abū al-'Abbās Aḥmad bin Idrīs bin 'Abd al-Raḥmān al-Ṣanhājī al-Qarāfi (t.t.), *al-Furūq*. Beirut: 'Ālam al-Kutub. Juz I, h. 205 – 206.

Demikian juga pada masa *Sahabat*, khususnya pada masa kepimpinan *al-Khulafā' al-Rāsyidīn*. Para Sahabat yang pernah hidup bersama-sama Rasulullah SAW memahami betul sebab-sebab penurunan ayat (أسباب النزول), rahsia-rahsia penggubalan undang-undang (أسرار التشريع) dalam Islam serta tabiat dan keadaan persekitaran yang mana wahyu diturunkan. Di samping itu mereka yang terdiri daripada suku arab sememangnya menggunakan bahasa arab yang merupakan bahasa rasmi al-Qur'ān dan al-Sunnah yang mereka wariskan daripada Rasulullah SAW. Keadaan seperti ini menyebabkan monografi ilmu usul fiqh dirasa belum diperlukan kerana aktiviti *istinbāḥ* hukum dapat diselesaikan oleh para Sahabat tanpa perlu menggunakan kaedah-kaedah *uṣūliyyah* tertentu.<sup>1</sup>

Demikian juga pada masa *tābi'īn*, mereka belum memerlukan pembukuan ilmu usul fiqh kerana mereka belajar fiqh secara langsung daripada para Sahabat. Pada masa *Tābi' al-Tābi'īn*, perkembangan zaman semakin pesat; penyebaran Islam semakin meluas ke berbagai-bagai daerah dan orang arab pun kemudian bercampur dengan orang *'ajam* (bukan arab). Dalam kondisi seperti ini umat Islam memerlukan rujukan kaedah-kaedah hukum Islam agar para Mujtahid dapat memberikan pemahaman yang benar terhadap al-Qur'ān dan al-Sunnah serta dapat memberikan penyelesaian bagi peristiwa-peristiwa hukum baru yang belum pernah terjadi sebelumnya.<sup>2</sup>

Dalam kondisi seperti inilah al-Syāfi'ī (w. 204 H) mengasas dan membukukan ilmu *usul fiqh* menjadi satu monografi ilmu yang sistematik dan rasional. Ini sebagaimana tercermin dalam karya monumentalnya, *al-Risālah*, yang memuat huraian al-Qur'ān, penjelasan al-Sunnah terhadap al-

<sup>1</sup> Dr. Wahbah al-Zuhaylī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, Juz I, h. 7 ; Dr. Muḥammad Adīb Ṣāliḥ, *Tafsīr al-Nuṣūṣ fi al-Fiqh al-Islāmī*, Juz I, h. 90 – 91.

<sup>2</sup> Dr. Muḥammad Adīb Ṣāliḥ, *Tafsīr al-Nuṣūṣ fi al-Fiqh al-Islāmī*, Juz I, h. 92.

Qur'an, ijtihad yang beliau formulakan dalam bentuk al-Qiyās dan huraian-huraian lain berkenaan dengan dasar-dasar *istinbāt* hukum.<sup>1</sup>

Pada mulanya al-Syāfi'i memberi nama buku *al-Risālah* ini dengan nama *al-Kitāb*. Namun kerana kandungan buku ini merupakan hasil suratmenyurat antara al-Syāfi'i di Mesir dengan 'Abd al-Rahmān bin Mahdī di Khurasān (Iraq), maka buku ini kemudian diberi nama *al-Risālah* yang bermaksud sepucuk surat.<sup>2</sup> Dalam konteks sejarah pembinaan ilmu usul fiqh di atas, hubungan Imam al-Syāfi'i dengan ilmu *usul fiqh* dapat diumpamakan dengan hubungan Aristoteles dengan ilmu *mantiq* (logik) atau hubungan Imam Khalīl bin Aḥmad dengan ilmu *'arūḍ* (*prosody*).<sup>3</sup>

Secara lebih khusus lagi, pembukuan usul fiqh oleh al-Syāfi'i ini sebenarnya dilatari oleh perdebatan pemikiran antara golongan tradisionalisme (أهل الحدیث) di satu pihak dan golongan rasionalisme (أهل الرأي) di pihak lain. Kalangan tradisionalisme dipelopori oleh Imam Mālik bin Anas (w. 179 H) yang berpusat di Ḥijāz, sementara kalangan rasionalisme diwakili oleh Imam Abū Ḥanīfah (w. 150 H) di Baghdad. Jika Imam Mālik sangat terikat dengan fatwa-fatwa Sahabat dan tradisi-tradisi penduduk Madinah dalam aktiviti *istinbāt* hukumnya, maka Imam Abū Ḥanīfah yang hidup di bandar metropolitan, pada saat itu, sangat rasional dan sangat berhati-hati dalam memilih ḥadīth-ḥadīth yang dapat digunakan sebagai *ḥujjah syar'iyah*. Oleh itu, dalam aktiviti *istinbāt* hukumnya, beliau

<sup>1</sup> Prof. 'Alī Ḥasb Allāh (1987 M), *Uṣūl al-Tasyrī' al-Islāmī*. Karachi, Pakistan: Idārah al-Qur'an wa al-'Ulūm al-Islāmiyyah, h. 6.

<sup>2</sup> Prof. Dr. Abd al-Wahhāb Ibrāhīm Abū Sulaymān, (1984 M), *al-Fikr al-Uṣūlī Dirāsah Taḥlīliyyah Naqdiyyah*. C. 2. Jeddah: Dār al-Syurūq, h. 64 & 68 ; Mannā' Khalīl al-Qaṭṭān (1985 M), *al-Tasyrī' wa al-Fiqh fī al-Islām Tārikhan wa Manhajān*. C. 4. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 307 ; Muhammad Hamidullah (t.t.), *The Emergence of Islam (Translated and Edited by Afzal Iqbal)*. Islamabad, Pakistan: Islamic Research Institute, h. 92.

<sup>3</sup> Muḥammad bin Idrīs al-Syāfi'i, (t.t.), *al-Risālah (Taḥqīq wa syarḥ Aḥmad Muḥammad Syākir)*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 13 ; Ahmad Hasan (1994 M), *The Early Development of Islamic Jurisprudence*. Islamabad, Pakistan: Islamic Research Institute, h. 178 – 179.

lebih sering menggunakan analogi (*qiyās*) berbanding teks ḥadīth yang masih diperdebatkan kesahihannya.

Imam al-Syāfi'ī kemudian menyelidiki betul-betul kondisi perdebatan pemikiran di atas. Pada satu pihak beliau berguru dengan tokoh-tokoh aliran tradisional di Makkah sebelum merantau ke Madinah untuk belajar fiqh dengan Imam Mālik. Pada pihak lain pengembaraan beliau dilanjutkan ke Iraq untuk berguru dengan tokoh-tokoh rasional seperti Imam Abū Ḥanīfah dan Muḥammad bin al-Ḥasan (w. 189 H).<sup>1</sup> Dengan demikian, al-Syāfi'ī dapat memadukan penggunaan sumber ajaran suci berupa teks dan rasional secara bersamaan. Di satu pihak, beliau amat menghormati penggunaan al-Sunnah sebagai sumber inspirasi hukum. Manakala di pihak lain, beliau tidak dapat menafikan begitu sahaja pentingnya penggunaan analogi dalam penetapan hukum-hakam.<sup>2</sup>

Pengamatan yang komprehensif terhadap kedua-dua aliran pemikiran di atas kemudian mendorong al-Syāfi'ī untuk meletakkan dasar-dasar *istinbāt* hukum yang sempurna seperti dirakamkan dalam kitab *al-Risālah*nya. Dengan demikian, perdebatan hebat antara kedua-dua aliran di atas menjadi berkurang, sebab satu sama lain kemudian saling memahami hakikat perbezaan serta merujuk semua aspek perbezaan pada dasar-dasar *istinbāt* yang sudah dibina dan dibukukan oleh al-Syāfi'ī.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Lihat: Dr. Muṣṭafā Sa'īd al-Khinn (1984 M), *Dirāsah Tārīkhiyyah li al-Fiqh wa Uṣūlihi wa al-Itijāhāt allatī Zaharat fihā*. C. 1. Damsyik, Syria: al-Syirkah al-Muttaḥidah li al-Tawzī'. h. 85 – 86; Dr. Muḥammad Adīb Ṣāliḥ, *Tafsīr al-Nuṣūṣ fi al-Fiqh al-Islāmī*, Juz 1, h. 92 – 95; Prof. Dr. 'Abd al-Wahhāb Ibrāhīm Abū Sulaymān, *al-Fikr al-Uṣūlī Dirāsah Taḥlīliyyah Naqdiyyah*, h. 68 – 69.

<sup>2</sup> Noel J. Coulson (1969 M), *Conflicts and Tensions in Islamic Jurisprudence*. USA, The University of Chicago Press, h. 6.

<sup>3</sup> Prof. Dr. 'Abd al-Wahhāb Ibrāhīm Abū Sulaymān, *al-Fikr al-Uṣūlī Dirāsah Taḥlīliyyah Naqdiyyah*, h. 69.

## 1.4. Klasifikasi Mazhab Usul Fiqh

Dari segi sejarahnya, ilmu usul fiqh terbahagi kepada dua mazhab pemikiran di samping mazhab lain yang menggabungkan kedua-duanya. Mazhab-mazhab tersebut mempunyai pengaruh besar terhadap kajian ilmu usul fiqh serta mempunyai dampak besar terhadap perkembangan kajian hukum-hakam (fiqh) di peringkat cabang sampai sekarang. Kajian mazhab-mazhab usul fiqh selanjutnya dapat dipaparkan seperti berikut ini :

### 1.4.1. Mazhab Mutakallimîn

Mazhab ini disebut juga sebagai mazhab *Jumhūr* kerana diikuti oleh majoriti (*jumhur*) ulama' dan pakar usul fiqh dari pelbagai mazhab. Antara mereka ialah ulama'-ulama' mazhab *Syāfi'ī*, *Mālikī*, *Ḥanbalī*, *Syī'ah Imāmiyyah*, *Syī'ah Zaydiyyah* dan *Ibādīyyah*. Tidak kurang juga, majoriti ulama'-ulama' dan pakar-pakar ilmu kalam mazhab *Mu'tazilah* dan *Asyā'irah* mengikuti metode yang digunakan mazhab ini. Oleh itu, aliran ini kemudiannya disebut aliran Mutakallimîn yang memberi erti "pakar-pakar ilmu kalam".<sup>1</sup>

Pengasas mazhab ini ialah Imam al-Syāfi'ī sendiri sebagai *founding father* ilmu usul fiqh. Mazhab ini mengasas kaedah-kaedah sebagai landasan teori untuk menggali hukum-hakam operasional daripada sumber asasnya. Kaedah-kaedah yang mereka bina kemudiannya digunakan untuk mengkaji uslub-ustlub bahasa dan dalil-dalil syara' dengan tidak menafikan aspek

<sup>1</sup> Dr. Muḥammad Adīb Šālīh, *Tafsīr al-Nuṣūṣ fī al-Fiqh al-Islāmī*, Juz I, h. 99 ; Prof. Dr. 'Abd al-Wahhāb Ibrāhīm Abū Sulaymān, , *al-Fikr al-Uṣūlī Dirāsah Taḥlīliyyah Naqdīyyah*, h. 446.



rasionaliti.<sup>1</sup> Dengan demikian, metodologi yang dipakai oleh mazhab ini ialah metode teoritis yang independen dan berdiri sendiri kerana kaedah-kaedah usul fiqh yang mereka bina mampu menghasilkan hukum-hukum operasional (fiqh) tanpa terikat dengan intervensi pemikiran daripada luar.

Sebagai mazhab yang berdiri sendiri, mazhab Mutakallimīn ini selalu berusaha meneliti atau *mentaḥqīq* kaedah-kaedah berfikir rasional (*manṭiqī*) kemudiannya menetapkan apa-apa yang menjadi indikasi dalil-dalil *naqlī* atau '*aqlī* daripada hasil penelitian tersebut. Usaha ini dilakukan tanpa sebarang pengaruh daripada hasil *istinbāt* mazhab lain atau tanpa sebarang kaitan dengan pendapat Imam tertentu. Oleh itu, tidak hairan jika pengikut Imam al-Syāfi'ī sering berbeza pendapat dengan Imam al-Syāfi'ī sendiri dalam memberikan had kaedah-kaedah *istinbāt* hukum.<sup>2</sup>

Seperti kita lihat Imam al-Syāfi'ī menganggap *mashūm muwāfaqah* sebagai *qiyās jalī*. Sementara itu, majoriti ulama' yang lain dalam mazhab Syāfi'iyah sendiri berpendapat lain. Hal ini sepertimana ditunjukkan oleh al-Ghazālī (w. 505 H), al-Āmidī (w. 631 H) dan lain-lain yang mana mereka membezakan antara *qiyās* dengan *mashūm muwāfaqah*.<sup>3</sup>

#### Kitab-Kitab Usul Fiqh Mazhab Mutakallimīn<sup>4</sup> :

- *Al-Risālah* (الرسالة), karya al-Imām Abū 'Abdillāh Muḥammad bin Idrīs al-Syāfi'ī (w. 204 H).

<sup>1</sup> Prof. Dr. 'Abd al-Wahhāb Ibrāhīm Abū Sulaymān, *al-Fikr al-Uṣūlī Dirāsah Taḥlīliyyah Naqḍiyyah*, h. 457.

<sup>2</sup> Dr. Muḥammad Adīb Ṣāliḥ, *Tafsīr al-Nuṣūṣ fī al-Fiqh al-Islāmī*, Juz I, h. 98 - 99.

<sup>3</sup> Muḥammad Bukhayt al-Muḥī'ī (t.t.), *Sullam al-Wuṣūl li Syarḥ Nihāyah al-Sūl*, dicetak bersama Jamāl al-Dīn 'Abd al-Raḥīm bin al-Ḥasan al-Asnāwī al-Syāfi'ī, *Nihāyah al-Sūl fī Syarḥ Minhāj al-Uṣūl*. t.t.p.: 'Ālam al-Kutub. Juz II, h. 204.

<sup>4</sup> Lihat: Prof. Dr. 'Abd al-Wahhāb Ibrāhīm Abū Sulaymān (1993 M), *Kitābah al-Baḥṡ al-'Ilmī wa Maṣādir al-Dirāsāt al-Fiqhiyyah*. C. I. Jeddah: Dar al-Syurūq. Juz II, h. 547 dst.

- *Kitāb al-'Ahd* (كتاب العهد), karya al-Qādī 'Abd al-Jabbār bin Aḥmad bin 'Abd al-Jabbār al-Hamdḥānī (W. 415 H).
- *Kitāb al-'Umad* (كتاب العمدة), karya al-Qādī Abd al-Jabbār bin Aḥmad bin Abd al-Jabbār al-Hamdḥānī (W. 415 H).
- *Kitāb al-Mu'tamad* (كتاب المعتمد), karya Abū al-Ḥusayn Muḥammad bin 'Alī al-Baṣrī al-Mu'tazilī (w. 436 H).
- *Al-'Uddah fī Uṣūl al-Fiqh* (العدة في أصول الفقه), karya al-Qādī Abū Ya'lā Muḥammad bin al-Ḥusayn bin Muḥammad bin Khallāf bin Aḥmad al-Farrā' (w. 458 H).
- *Iḥkām al-Fuṣūl fī Aḥkām al-Uṣūl* (إحكام الفصول في أحكام الأصول), karya Abū al-Walīd Sulaymān bin Khallāf al-Bājī (w. 474 H).
- *Kitāb al-Minhāj fī Tartīb al-Ḥujjāj* (كتاب المنهاج في ترتيب الحجج), karya Abū al-Walīd Sulaymān bin Khallāf al-Bājī (w. 474 H).
- *Kitāb al-Ḥudūd fī al-Uṣūl* (كتاب الحد ود في الأصول), karya Abū al-Walīd Sulaymān bin Khallāf al-Bājī (w. 474 H).
- *Al-Luma' fī Uṣūl al-Fiqh* (اللمع في أصول الفقه), karya Abū Ishāq Ibrāhīm bin 'Alī bin Yūsuf al-Fayrūzabādī al-Syayrāzī (w. 476 H).
- *Al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh* (البرهان في أصول الفقه), karya Abū al-Ma'ālī 'Abd al-Malik bin 'Abdillāh al-Juwaynī, Imām al-Ḥaramayn (w. 478 H).
- *Al-Waraqāt fī Uṣūl al-Fiqh* (الورقات في أصول الفقه), karya Abū al-Ma'ālī 'Abd al-Malik bin 'Abdillāh al-Juwaynī, Imām al-Ḥaramayn (w. 478 H).
- *Al-Mustasfā min 'Ilm al-Uṣūl* (المستصفى من علم الأصول), karya Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī (w. 505 H).
- *Al-Tamhīd fī Uṣūl al-Fiqh* (التمهيد في أصول الفقه), karya Maḥfūz bin Aḥmad bin al-Ḥasan Abū al-Khaṭṭāb al-Kalūdhānī al-Ḥanbalī (w. 510 H).

- *Al-Wāḍiḥ fī Uṣūl al-Fiqh* (الواضح في أصول الفقه), karya Abū al-Wafā' 'Alī bin 'Aqīl bin Muḥammad al-Baghdādī al-Ḥanbalī (w. 531 H).
- *Al-Maḥṣūl fī Uṣūl al-Fiqh* (المحصول في أصول الفقه), karya Fakhr al-Dīn Muḥammad bin 'Umar al-Rāzī (w. 606 H).
- *Rawḍah al-Nāzīr wa Jannah al-Manāzīr* (روضه الناظر وجنة المناظر), karya Muwaffaq al-Dīn Abū Muḥammad 'Abdullāh bin Aḥmad bin Qudāmah al-Maqdisī al-Dimasyqī (w. 620 H).
- *Al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām* (الإحكام في أصول الأحكام), karya Sayf al-Dīn Abū al-Ḥasan 'Alī bin Abī 'Alī bin Muḥammad al-Āmidī (w. 631 H).
- *Al-Imām fī Bayān Adillah al-Aḥkām* (الإمام في بيان أدلة الأحكام), karya 'Izz al-Dīn 'Abd al-'Azīz bin Abd al-Salām al-Silmī (w. 660 H).
- *Al-Taḥṣīl min al-Maḥṣūl* (التحصيل من المحصول), karya Sirāj al-Dīn Maḥmūd bin Abī Bakr al-Armawī (w. 682 H).
- *Syarḥ Tanqīḥ al-Fuṣūl fī Ikhtisār al-Maḥṣūl* (شرح تنقيح الفصول في اختصار المحصول), karya Aḥmad bin Idrīs al-Qarāfī (w. 684 H).
- *Minhāj al-Wuṣūl ilā 'Ilm al-Uṣūl* (منهاج الوصول إلى علم الأصول), karya al-Qādī Nāṣir al-Dīn 'Abdullāh bin 'Umar al-Bayḍāwī (w. 685 H).<sup>1</sup>
- *Al-Baḥr al-Muḥīṭ fī Uṣūl al-Fiqh* (البحر المحيط في أصول الفقه), karya Badr al-Dīn Muḥammad bin Bahādir al-Zarkasyī (w. 794 H).

<sup>1</sup> Karya al-Bayḍāwī ini mendapat perhatian khusus di kalangan para ulama' usul, khususnya para ulama' Syāfi'iyah. Ramai di kalangan mereka menyusun buku komentar terhadap karya tersebut. Sama ada buku komentar dalam bentuk *syarah*, *takhrīj* ḥadīth, tambahan penjelasan ataupun dalam bentuk karangan lainnya. (Lihat: Jamāl al-Dīn 'Abd al-Raḥīm bin al-Ḥasan al-Asnāwī al-Syāfi'ī (t.t.), *Nihāyah al-Sūl fī Syarḥ Minhāj al-Uṣūl*. t.t.p.: 'Ālam al-Kutub. Juz I, h. ٥).

### 1.4.2. Mazhab Aḥnāf

Mazhab ini cuba membina kaedah-kaedah *uṣūliyyah* berdasarkan pada apa yang diperoleh daripada Imam-imam mereka dalam mazhab *ḥanafī* berupa hukum-ḥakam (fiqh) hasil *istinbāṭ* mereka. Bahkan sekiranya didapati kaedah-kaedah usul fiqh yang dibina bertentangan dengan fiqh, maka mereka meninggalkan kaedah-kaedah tersebut kemudian beralih pada kaedah yang lebih sesuai dengan fiqh hasil ijtihad Imam mereka.<sup>1</sup>

Pada kenyataannya, mazhab ini merujuk pada fiqh-fiqh hasil *istinbāṭ* Imam Abū Ḥanīfah (w. 150 H) dan sahabat-sahabatnya seperti Imam Abū Yūsuf (w. 182 H), Muḥammad bin Ḥasan (w. 189 H), Zufar (w. 158 H) dan lain-lain untuk dijadikan dasar pembentukan kaedah-kaedah usul fiqhnya.<sup>2</sup> Dalam kaitan ini, pakar usul fiqh daripada kalangan mazhab *Ḥanafī* semasa mengemukakan kaedah-kaedah usul fiqhnya sering menyertakan aspek fiqhnya sebagai bahan rujukan.<sup>3</sup>

Dengan demikian, jika mazhab Mutakallimīn membina dahulu kaedah-kaedah usul fiqh untuk dibuat dasar *istinbāṭ* hukum maka sebaliknya, dalam mazhab Aḥnāf ini, hasil *istinbāṭ* hukumnya dijadikan dasar untuk membina kaedah-kaedah usul fiqh. Kerana berdasarkan pada fiqh hasil *istinbāṭ* itulah, kemudiannya mazhab Aḥnāf ini biasa disebut juga dengan mazhab fuqahā' yang memberi erti "pakar-pakar fiqh".

<sup>1</sup> Prof. 'Alī Ḥasb Allāh, *Uṣūl al-Tasyrī' al-Islāmī*, h. 6.

<sup>2</sup> Dr. Muḥammad Adīb Ṣāliḥ, *Tafsīr al-Nuṣūṣ fī al-Fiqh al-Islāmī*, Juz 1, h. 99.

<sup>3</sup> Ibid, h. 99-100.

### Kitab-Kitab Usul Fiqh Mazhab Aḥnāf<sup>1</sup> :

- *Al-Fuṣūl fī al-Uṣūl* (الفصول في الأصول), karya Abū Bakr Aḥmad bin ‘Alī al-Jaṣṣāṣ al-Rāzī (w. 370 H).
- *Taqwīm al-‘Adillah fī al-Uṣūl* (تقويم الأدلة في الأصول), karya Abū Zayd ‘Ubaydillāh bin ‘Umar al-Dabūsī (w. 430 H).
- *Uṣūl al-Bazdawī* (أصول البزدوي), karya Fakhr al-Islām ‘Alī bin Muḥammad al-Bazdawī (w. 482 H).
- *Uṣūl al-Sarakhsī* (أصول السرخسي), karya Abū Bakr Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Sahl al-Sarakhsī (w. 490 H).
- *Mīzān al-Uṣūl fī Natā’ij al-Uqūl* (میزان الأصول في نتائج العقول), karya Syams al-Dīn Abū Bakr Muḥammad bin Aḥmad al-Samarqandī (w. 539 H).
- *Al-Muntakhab fī Uṣūl al-Madhhab* (المنتخب في أصول المذهب), Karya Hisyām al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Umar al-Akhsikī (w. 644 H).
- *Manār al-Anwār* (منار الأنوار), karya Ḥāfiẓ al-Dīn Abī al-Barakāt ‘Abdullāh bin Aḥmad al-Nasafī (w. 710 H).
- *Al-Mughnī fī Uṣūl al-Fiqh* (المغني في أصول الفقه), karya Jalāl al-Dīn ‘Umar bin Muḥammad al-Khabbāzī al-Khajnadī (w. 671 H).
- *Mirqāt al-Wuṣūl ilā ‘Ilm al-Uṣūl* (مرقاة الوصول إلى علم الأصول), karya Muḥammad bin Farāmīr, yang dikenali pula dengan nama Khasrū (w. 885 H).

<sup>1</sup> Lihat Prof. Dr. ‘Abd al-Wahhāb Ibrāhīm Abū Sulaymān, *Kitābah al-Baḥth al-‘Ilmī wa Maṣādir al-Dirāsāt al-Fiqhiyyah*, Juz II, h. 597 dst.

### 1.4.3. Mazhab Gabungan

Mazhab ini menggabungkan metode yang digunakan mazhab Mutakallimīn dan Aḥnāf. Mazhab ini membuat kaedah-kaedah *uṣūliyyah* yang tersendiri untuk dijadikan dasar *istinbāt* hukum. Selain itu mereka juga menggunakan fiqh hasil *istinbāt* imam-imam mereka untuk dijadikan dasar dalam membina kaedah-kaedah *uṣūliyyah*. Mazhab ini diikuti oleh para ulama' usul dari pelbagai mazhabnya, seperti ulama' dalam mazhab Ḥanafiiyyah, Mālikiyyah, Syāfi'iyyah, Zāhiriyyah dan lain-lain.

#### a) Ulama' Ḥanafiiyyah :

Kalangan ulama' Ḥanafiiyyah yang menggunakan metode perbandingan dalam penyusunan kitab usul fiqhnya, antaranya seperti yang berikut:

##### 1. Ṣadr al-Syarī'ah 'Ubaydillāh bin Mas'ūd (w. 747 H)

Ṣadr al-Syarī'ah menggunakan metode perbandingan seperti terdapat dalam kitabnya, *Tanqīḥ al-Uṣūl* (تنقيح الأصول) yang kemudian diberi catitan pendapat dalam buku syarḥ *al-Tawḍīḥ fī Ḥall Ghawāmiḍ al-Tanqīḥ* (التوضيح في حل غوامض التنقيح). Kitab ini disusun untuk menanggapi atas banyaknya kajian terhadap kitab *Uṣūl al-Bazdawī* masa itu. Bahkan sebahagian ulama' masa itu menilai terdapat fahaman yang kurang jelas dalam fenomena lafaz-lafaz yang terdapat dalam pembahasan kitab ini.

Oleh itu Ṣadr al-Syarī'ah menyusun kitab syarḥ *al-Tawḍīḥ / التوضيح* (bermakna: penjelasan) yang merupakan ringkasan daripada tiga kitab, iaitu *Uṣūl al-Bazdawī / أصول البزدوي* (mazhab Ḥanafī); *al-Maḥṣūl /*

المحصول karya al-Rāzī (mazhab Syāfi'ī); dan *Muntahā al-Sūl wa al-Amal /* منتهى السؤل والأمل karya Ibn al-Hājjib (mazhab Māliki). Pada perkembangan berikutnya, seorang ulama' daripada mazhab Syāfi'ī, iaitu al-Taftāzānī (w. 792 H), menyusun catitan pandangan terhadap kitab *al-Tawḍīh* dalam bentuk kitab *hāsiyyah* iaitu *al-Talwīh 'alā al-Tawḍīh* (التلويح على التوضيح).<sup>1</sup>

2. Aḥmad bin 'Alī al-Sā'atī al-Baghdādī (w. 694 H)

Ini sebagaimana ditunjukkan dalam karyanya *Badī' al-Nizām al-Jāmi' Bayna Kitāb al-Bazdawī wa al-Iḥkām* (بديع النظام الجامع بين كتاب البزدوي والإحكام). Sesuai dengan nama kitabnya, metode penulisan kitab ini merupakan gabungan antara kitab *Uṣūl al-Bazdawī* yang bermazhab Aḥnāf dan kitab *al-Iḥkām* karya al-Āmidī yang bermazhab Mutakallimīn. Ibnu Sā'atī dalam kitab tersebut memfokuskan pada kebebasan kaedah-kaedah *uṣūliyyah* daripada hukum-hakam cabang (fiqh). Namun dalam aspek lain beliau juga memaparkan cabang-cabang fiqh sebagai bahan acuan kaedah-kaedah usul fiqh-nya.<sup>2</sup>

3. Al-Kamāl Ibn al-Humām (w. 861 H)

Dalam sebuah karya usul fiqh-nya, iaitu *al-Taḥrīr* (التحرير), al-Kamāl Ibn al-Humām menggunakan pendekatan metode perbandingan antara yang biasa digunakan oleh mazhab Mutakallimīn dengan apa yang digunakan oleh mazhab Aḥnāf. Al-Kamāl berkata bahawa penyusunan

<sup>1</sup> Muḥammad Salām Madkūr, *Mabāḥiṭh al-Ḥukm 'Ind al-Uṣūliyyīn*, Juz I, h. 53 ; Dr. Yūsuf Qāsim (1985 M), *Uṣūl al-Aḥkām al-Syar'iyyah*. Kaherah: Dār al-Nahḍah al-'Arabiyyah, h. 22 – 23 ; Bandingkan pula dengan: Sa'd al-Dīn Mas'ūd ibn 'Umar al-Taftāzānī al-Syāfi'ī (t.t.), *Syarḥ al-Talwīh 'alā al-Tawḍīh*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, nota dalam halaman tajuk.

<sup>2</sup> Prof. Dr. 'Abd al-Wahhāb Ibrāhīm Abū Sulaymān, *Kitābah al-Baḥṭh al-'Ilmī wa Maṣādir al-Dirāsāt al-Fiqhiyyah*, Juz II, h. 604. Bandingkan dengan Muḥammad Salām Madkūr, *Mabāḥiṭh al-Ḥukm 'Ind al-Uṣūliyyīn*, Juz I, h. 53.

kitab ini memang bertujuan untuk mengimbangi kekurangan kitab-kitab usul fiqh perbandingan. Kitab ini kemudiannya diulaskan oleh Muḥammad bin Muḥammad bin Amīr Hāj al-Ḥalabī (w. 889 H) dalam sebuah kitab syarahnya, *al-Taqrīr wa al-Takhbīr* (التقرير والتحرير). Kitab syarah ini<sup>1</sup> sangat ringkas dan hanya memaparkan kandungan secara garis besar sahaja. Kemudian kitab ini diulas lagi oleh Amīr Bādah Syah al-Ḥusaynī al-Ḥanafī dalam kitabnya, *Taysīr al-Taḥrīr* (تيسير التحرير).<sup>1</sup>

#### b) Ulama' Mālikiyyah :

Kalangan ulama' Mālikiyyah yang menggunakan metode perbandingan dalam penyusunan kitab usul fiqh ialah Abū Ishāq Ibrāhīm Mūsā al-Syātibī (w. 780 H). Hal ini sebagaimana terdapat dalam karya monumentalnya, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Syarī'ah* (الموافقات في أصول الشريعة).

Kitab ini bukan sahaja memaparkan kandungan secara perbandingan, tetapi sekaligus berjaya membentangkan pembahasan tentang *maṣlahah* / المصلحة (kesejahteraan umat) serta *maqāsid al-syarī'ah* / مقاصد الشريعة (tujuan-tujuan disyari'atkannya Islam). Selain itu, kitab ini juga berhasil memberikan arahan untuk mengetahui aspek-aspek persekitaran dalam proses penurunan wahyu.<sup>2</sup>

#### c) Ulama' Syāfi'iyyah :

Kalangan ulama' Syāfi'iyyah yang menggunakan metode perbandingan dalam penyusunan kitab usul fiqh, antaranya seperti yang berikut:

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> Dr. Muḥammad Adīb Ṣāliḥ, *Tafsīr al-Nuṣūṣ fī al-Fiqh al-Islāmī*, Juz 1, h. 102.



1. Tāj al-Dīn ‘Abd al-Wahhāb bin ‘Alī al-Subkī (w. 771 H)

Dalam kitabnya, *Jam‘ al-Jawāmi‘* (جمع الجوامع), al-Subkī membandingkan berbagai-bagai pendapat berbilang mazhab. Hal ini sebagaimana diungkapkan beliau bahawa kitab yang disusunnya tersebut menghimpun lebih daripada seratus karangan. Oleh itu tidak hairan jika kitab ini merupakan kumpulan pendapat-pendapat yang berbeza-beza tanpa membentangkan aspek dalil ataupun landasan yang digunakan dalam memaparkan kaedah-kaedah usul fiqh.<sup>1</sup>

2. Abū al-Munāqib al-Zanjānī (w. 656 H)

Dalam kebanyakan bab yang ada dalam kitabnya, *Takhrīj al-Furū‘ ‘alā al-Uṣūl* (تخریج الفروع علی الأصول), al-Zanjānī menyelidiki aspek perbezaan mazhab Mutakallimīn dan Aḥnāf serta memberikan kriteria cabang fiqh kedua-dua mazhab tersebut dengan kriteria usul fiqh dan kaedah fiqh.

Lebih daripada itu, al-Zanjānī juga merujuk aspek perbezaan dalam hukum-hakam peringkat cabang kepada aspek perbezaan yang lebih substantif di peringkat induknya yang asal. Dengan lain perkataan, kitab ini mengkaji proses terjadinya hukum-hakam peringkat cabang yang muncul daripada peringkat asasnya, sama ada dalam mazhab Mutakallimīn ataupun mazhab Aḥnāf. Kajian tentang hal ini dilakukannya dengan menggunakan pendekatan *manṭiqiyyah* (nalar logik) yang cermat serta benar.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Muḥammad Salām Madkūr, *Mabāḥith al-Ḥukm ‘Ind al-Uṣūliyyīn*, Juz I, h. 54.

<sup>2</sup> Dr. Muḥammad Adīb Ṣāliḥ, *Tafsīr al-Nuṣūṣ fi al-Fiqh al-Islāmī*, Juz I, h. 102.

#### d) Ulama' Zāhiriyyah :

Ulama' mazhab Zāhiriyyah yang menggunakan metode perbandingan dalam penyusunan kitabnya adalah Imam Ibn Ḥazm (w. 406 H). Hal ini sepertimana tercermin dalam karya bidang usul fiqhnya iaitu *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām* (الإحكام في أصول الأحكام). Dalam kitab ini Ibn Ḥazm memaparkan terminologi usul, kemudian pembahasan tentang *sunnah* Nabi dan *athar* para Sahabat. Pembahasan *sunnah* dan *athar* ini beliau masukkan ketika menghuraikan kaedah-kaedah *uṣūliyyah* menurut ukuran zahirnya yang ada dalam al-Qur'ān serta penerapannya pada hukum-hakam di peringkat cabang.<sup>1</sup>

#### e) Ulama' Muta'akhhirīn:

Pada kurun-kurun akhir ini, buku yang dinilai dapat mewakili mazhab usul fiqh perbandingan ialah *Musallam al-Thubūt* karya Muḥibb Allāh bin 'Abd al-Syakūr (w. 1119 H), *Irsyād al-Fuḥūl ilā Tahqīq al-Ḥaqq min 'Ilm al-Uṣūl* karangan al-Syawkānī (w. 1255 H) dan *Uṣūl al-Fiqh* karangan Muḥammad al-Khuḍarī (w. 1345 H).<sup>2</sup>

Pada hujung kurun ke-14 hingga kurun ke-15 hijrah ini, terdapat banyak kitab usul fiqh ditulis dengan menggunakan metode perbandingan, seperti kitab *'Ilm Uṣūl al-Fiqh* karya 'Abd al-Wahhāb Khallāf, *Uṣūl al-Fiqh* karya Muḥammad Abū Zahrah, *Uṣūl al-Tasyrī' al-Islāmī* karya Prof. Alī Ḥasb Allāh, *Uṣūl al-Aḥkām al-Syar'iyyah* karya Prof. Dr. Yūsuf Qāsim, *Mabāḥith al-Ḥukm 'Inda al-Uṣūliyyīn* karya Muḥammad Salām Madkūr, *Uṣūl al-Fiqh*

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> Prof. 'Alī Ḥasb Allāh, *Uṣūl al-Tasyrī' al-Islāmī*, h. 7 ; Bandingkan dengan Muḥammad Salām Madkūr, *Mabāḥith al-Ḥukm 'Inda al-Uṣūliyyīn*, Juz I, h. 54.

*al-Islāmī* karya Dr. Wahbah al-Zuhaylī, *Tafsīr al-Nuṣūṣ fī al-Fiqh al-Islāmī* karya Dr. Muḥammad Adīb Ṣālīh, dan lain-lain.

## 1.5. Pembahagian Mazhab Usul Fiqh Versi Lain

Pembahagian mazhab usul fiqh menjadi tiga mazhab sepertimana huraian di atas (mazhab Mutakallimīn, mazhab Āḥnāf dan mazhab Gabungan) merupakan pembahagian yang sudah lazim dipakai (konvensional) dalam sejarah ilmu usul fiqh sejak pembukuan disiplin ilmu ini oleh Imam al-Syāfi'ī pada kurun kedua Hijrah.

Walau demikian, sesetengah pakar usul fiqh moden kurang bersetuju dengan formula pembahagian di atas. Dr. Mūsā bin Muḥammad bin Yahyā al-Qarnī tidak bersetuju dengan pembahagian di atas. Menurut beliau, pembahagian mazhab usul fiqh tidak hanya terbatas tiga mazhab, tetapi dapat diperluas lagi kepada lima mazhab. Tambahan dua mazhab lainnya, menurut analisis Dr. al-Qarnī, adalah seperti yang berikut :

1. Mazhab *al-Istiqrā' al-Kullī*, iaitu mazhab usul fiqh yang menyoroti hukum-hakam syari'ah serta tujuan-tujuan disyariatkannya (*maqāṣid al-syari'ah*) secara *kullī* atau menyeluruh. Dengan lain perkataan, kajian usul fiqh dalam mazhab ini tertumpu pada hukum-hukum kullī yang berasaskan pada *maqāṣid al-syari'ah*. Kitab yang dapat mewakili mazhab ini ialah *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Syari'ah* (الموافقات في أصول الشريعة).<sup>1</sup> Kitab usul fiqh mazhab Mālikīyyah ini dalam pembahagian mazhab usul fiqh konvensional sebelumnya dimasukkan ke dalam mazhab gabungan.

<sup>1</sup> Dr. Mūsā bin Muḥammad bin Yahyā al-Qarnī (1414 H), *Murtaqā al-Wuṣūl ilā Tārīkh 'Ilm al-Uṣūl*. t.t.p.: t.p., h. 39 ; Bandingkan dengan: Prof. Dr. 'Abd al-Karīm bin 'Alī bin Muḥammad al-Namlah, *al-Muhadḥab fī 'Ilm Uṣūl al-Fiqh al-Muqārīn*, Jilid 1, h. 65.

2. Mazhab *al-Tafrī'i*, iaitu mazhab usul fiqh yang cuba menghubungkan hukum-hakam peringkat cabang (*al-furū'*) dengan dalil-dalilnya di peringkat asas (*al-uṣūl*). Mazhab ini mengkaji aspek perbezaan para pakar usul fiqh mengenai sesuatu masalah dengan merujuk pada dalil-dalil yang dikemukakan masing-masing pihak. Dengan demikian kitab-kitab usul fiqh dalam mazhab ini tidak mengkaji selain masalah-masalah yang diperdebatkan di kalangan para pakar usul fiqh, khususnya masalah-masalah yang diperselisihkan secara substantif dan maknawi di kalangan mereka.<sup>1</sup>

Adapun kitab-kitab usul fiqh yang ditulis mengikut metode mazhab ini adalah seperti yang berikut:

- *Takhrīj al-Furū' 'alā al-Uṣūl* (تخريج الفروع على الأصول), karya al-Zanjānī (Mazhab Syāfi'i). Kitab ini dalam pembahagian mazhab usul fiqh konvensional sebelumnya dimasukkan ke dalam mazhab gabungan.
- *Miftāḥ al-Wuṣūl ilā Binā' al-Furū' 'alā al-Uṣūl* (مفتاح الوصول إلى بناء الفروع على الأصول), karya al-Tilimsānī (Mazhab Mālikī).
- *Al-Tamhīd fī Takhrīj al-Furū' 'alā al-Uṣūl* (التمهيد في تخريج الفروع على الأصول), karya al-Asnawī (Mazhab Syāfi'i).
- *Al-Qawā'id wa al-Fawā'id al-Uṣūliyyah* (القواعد والفوائد الأصولية), karya Ibn al-Lihām (Mazhab Ḥanbalī).<sup>2</sup>

Lebih jauh lagi Dr. al-Qarnī memberi istilah penyebutan kepada kelima-lima mazhab usul fiqh versi beliau seperti yang berikut :

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> Prof. Dr. 'Abd al-Karīm bin 'Alī bin Muḥammad al-Namlah, *al-Muhadhdhab fī 'Ilm Uṣūl al-Fiqh al-Muqārin*, Jilid I, h. 65.

1. *Al-Manhaj al-Ta'sīlī al-Kullī* (المنهج التأصيلي الكلي), iaitu mazhab usul fiqh yang dalam pembahagian konvensional sebelumnya disebut sebagai mazhab Mutakallimīn.
2. *Al-Manhaj al-Istiqrā'ī al-Juz'ī* (المنهج الإستقرائي الجزئي), iaitu mazhab usul fiqh yang dalam pembahagian konvensional sebelumnya disebut sebagai mazhab Aḥnāf atau mazhab Fuqahā'.
3. *Manhaj al-Jam' Bayna al-Tarīqatayn* (منهج الجمع بين الطريقتين), iaitu mazhab usul fiqh yang dalam pembahagian konvensional sebelumnya disebut sebagai mazhab gabungan.
4. *Al-Manhaj al-Istiqrā'ī al-Kullī* (المنهج الإستقرائي الكلي), iaitu mazhab tambahan daripada apa yang pernah dilakukan secara konvensional sebelumnya oleh para pakar ilmu usul fiqh.
5. *Al-Manhaj al-Tafrī'ī* (المنهج التفريعي), iaitu mazhab tambahan pula daripada apa yang berlaku sebelumnya secara konvensional berkenaan dengan pembahagian mazhab usul fiqh.<sup>1</sup>

## 1.6. Perbandingan


Secara amnya pembahagian mazhab usul fiqh yang dilakukan oleh Dr. al-Qarnī tidaklah memiliki aspek perbezaan yang sebenar (hakiki) dengan apa yang dilakukan pakar-pakar sebelumnya berkenaan dengan pembahagian mazhab usul fiqh. Dua tambahan mazhab baru yang dilakukan Dr. al-Qarnī sesungguhnya telah pun masuk dalam mazhab gabungan dalam pembahagian mazhab usul fiqh konvensional sebelumnya.

<sup>1</sup> Dr. Mūsā bin Muḥammad bin Yahyā al-Qarnī, *Murtaqā al-Wuṣūl ilā Tārikh 'Ilm al-Uṣūl*, h. 38 – 39.


Pertimbangan Dr. al-Qarnī memasukkan kedua-dua mazhab tambahan secara tersendiri lebih bersifat teknikal berbanding permasalahan yang sebenar. Mazhab *al-Istiqrā'ī al-Kullī*, misalnya, dimasukkan ke dalam mazhab tersendiri oleh Dr. al-Qarnī kerana ia memang secara khusus menyoroti hukum-hukum *kullī* dengan pijakan *maqāṣid al-syarī'ah*. Begitu pula dengan mazhab *al-tafri'ī*, dimasukkan sebagai mazhab tersendiri kerana ia secara khusus menghubungkan-kaitkan hukum hakam peringkat cabang dengan dalil-dalilnya di peringkat asas.

Rajah 1:  
**Klasifikasi Mazhab Usul Fiqh**

**I. Klasifikasi Konvensional:**




**II. Klasifikasi Moden (Menurut Dr. al-Qarnī):**



Rajah 2:  
**Proses Pembinaan Kaedah Usul Fiqh**

**Mazhab Mutakallimīn:**



**Mazhab Aḥnāf:**

